

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan biasiswa diberikan kepada pelajar dalam dan luar negara bagi bidang pengajian Islam pada tahun 2000-2016 mengikut pecahan tahun, jantina, taraf hidup dan kursus.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak menetapkan secara khusus peruntukan berdasarkan bidang pengajian kerana ia bergantung pada permohonan pelajar untuk melanjutkan pengajian pilihan mereka. Penajaan JPA dalam bidang pengajian Islam dikategorikan di bawah bidang sains sosial. Purata kos pengajian Islam dikategorikan di bawah bidang sains sosial. Purata kos perbelanjaan Kerajaan untuk seorang pemegang biasiswa JPA untuk setiap tahun adalah berbeza mengikut negara dan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar. Anggaran kos penajaan bagi seorang pelajar tajaan dalam negara di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah di antara RM10,350 hingga RM12,690 setahun. Manakala anggaran kos penajaan bagi seorang pelajar tajaan luar negara adalah antara RM38,115 hingga RM277,515 setahun.

Jumlah pelajar tajaan JPA yang tertanggung sehingga Ogos 2016 bagi bidang Pengajian Islam bagi Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) adalah seramai 1,187 pelajar.

Sekian, terima kasih.